

13 NOV 1997

Pemuda-Bantahan

PEMUDA BN SERAH NOTA BANTAHAN EPADA KEDUTAAAN AS

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Pemuda Barisan Nasional (BN) hari ini menyerahkan nota bantahan kepada Kedutaan Amerika Syarikat di sini terhadap draf resolusi 27 anggota Kongres negara itu yang menuntut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memohon maaf atas kenyataannya yang dikatakan menyinggung perasaan Yahudi dan anti-Amerika atau meletakkan jawatan.

Memorandum itu diserahkan oleh enam wakil Pemuda BN diketuai Ketua Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi kepada Kaunselor Hal Ehwal Politik Jeffrey J. Lunstead dalam satu pertemuan selama setengah jam sejak pukul 11.45 pagi.

Zahid diiringi Penolong Setiausaha Pemuda Umno Saifuddin Nasution Ismail, Setiausaha Pemuda MIC Datuk Dr Nelson Regannathan, Setiausaha Pemuda Gerakan Lam Weng Keong, Naib Pengerusi Pemuda MCA Hoo Seong Chan dan Ketua Pemuda PPP R.O Paramasipan.

Mereka sebelum itu menyertai perhimpunan secara aman bersama kira-kira 100 anggota Pemuda BN untuk menyatakan bantahan di hadapan bangunan kedutaan berkenaan.

Zahid memberitahu pemberita selepas menyerahkan nota bantahan itu bahawa Pemuda akan menghantar nota bantahan yang sama kepada semua anggota Kongres Amerika melalui E-Mail.

Pada perhimpunan itu Pemuda BN menyanyikan lagu "Barisan Kita" dan membawa sependuk tertulis antaranya "Kami Sokong Dr Mahathir."

Zahid berkata dalam bantahan itu nanti Pemuda akan meminta Kongres supaya tidak melayani resolusi yang cuba dibawa 27 anggota Kongres itu dan menolak cubaan mereka untuk membawa draf berkenaan pada sidang Kongres akan datang (dijangka Februari).

Beliau berkata walaupun resolusi itu baru di peringkat cadangan dan bukan pendirian kerajaan Amerika Syarikat, Pemuda "rasa kesal terhadap cubaan campur tangan pihak luar dalam urusan kepimpinan negara ini."

Draf resolusi yang dikemukakan oleh Robert Wexler (Democrat-Florida), bertarikh 27 Okt lepas itu, mahu Perdana Menteri memohon maaf atau meletakkan jawatan kerana kononnya mendakwa ada konspirasi Yahudi di sebalik krisis mata wang di Asia Tenggara.

Dr Mahathir sebelum ini telah membuat penjelasan bahawa beliau tidak ada membuat tuduhan seperti itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata selepas mesyuarat kabinet semalam kerajaan menyifatkan surat dan draf itu (meminta Dr Mahathir meletakkan jawatan) sebagai "tidak munasabah, kurang wajar, tidak tepat dan tidak demokratik."

Zahid berkata Pemuda BN juga membantah hasrat kerajaan Amerika Syarikat untuk melakukan siasatan terhadap Petronas dan menuntut Washington membatalkan cadangan menghantar pegawai berkenaan ke sini pada 18 Nov ini.

"Pemuda berpendapat tidak ada asas langsung untuk Amerika Syarikat menjalankan siasatan terhadap syarikat negara ini," katanya.

Petronas, bersama dengan Total SA, syarikat tenaga Perancis dan Gazprom dari Rusia telah mengumumkan rancangan untuk melabur sebanyak AS\$2 bilion (kira-kira RM6.6 bilion) bagi membangunkan industri gas Iran, tindakan yang didakwa Washington sebagai mengingkari syarat-syarat sekatan Amerika mengikut Akta Sekatan Iran-Libya.

Konsortium itu telah mengikat perjanjian dengan sebuah syarikat kebangsaan Iran untuk membangunkan sebahagian daripada kawasan gas South Pars berhampiran sempadan maritim Iran dengan Qatar.

Petronas, menerusi anak syarikat milik penuhnya, Petronas Carigali Overseas Sdn Bhd, memeterai perjanjian dengan Total SA pada Jun 1996 bagi memiliki 30 peratus pegangan dalam kawasan di Sirri A dan E di Iran, kontrak yang pertama diberikan kepada sebuah syarikat Perancis pada 1995.

Kabinet semalam memutuskan untuk mengecam sebarang percubaan oleh pegawai-pegawai Amerika menyiasat urusanniaga Petronas dengan Iran dan menolak siasatan yang hendak dilakukan. -- BERNAMA

ZAI RON